

Penjelasan Dr. Mahathir

23 DEC 1990

KUALA LUMPUR 22 Dis. — Jawatankuasa Khas UMNO yang dipengerusikan oleh Encik Ghafar Baba belum membuat sebarang keputusan muktamad mengenai resolusi raja berperlembagaan yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung UMNO yang baru lalu.

Demikian dijelaskan oleh Presiden UMNO Dato' Sri Dr. Mahathir kepada wartawan-wartawan sekembalinya dari London hari ini.

Katanya, ada cadangan supaya resolusi tersebut dikemukakan kepada raja-raja te-

tapi setakat ini cadangan itu belum dibincangkan lagi.

"Ada kemungkinan saya dan Encik Ghafar akan mengadap Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja."

"Kita akan membahagikan tugas dalam perkara ini," ujarnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menyatakan keputusan belum dibuat sama ada Akta Hasutan akan dipinda atau tidak.

Perlu disebutkan Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh Timbalan Presiden

UMNO Encik Ghafar Baba itu telah ditubuhkan oleh Majlis Tertinggi UMNO dalam mesyuaratnya 11 Disember lalu bagi tujuan mengatur langkah yang berkesan berhubung soal raja berperlembagaan.

Dr. Mahathir memberitahu bahawa penubuhan jawatankuasa itu adalah sebagai memenuhi kehendak perwakilan parti dalam perhimpunan agung baru lalu yang mahu langkah itu diambil bagi mengelak berlakunya pencabulan terhadap institusi raja berperlembagaan.